

08/03/1997

Lawatan Menteri Pertahanan Perancis

KUALA LUMPUR, Jumaat - Menteri Pertahanan Perancis, Charles Millon, dijangka tiba di sini Ahad ini bagi lawatan rasmi tiga hari.

Semasa lawatannya ke sini, Millon akan mengunjungi Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad dan mengadakan perbincangan dengan Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan rakan sejawatannya, Datuk Syed Hamid Albar.

Beliau juga dijangka melawat syarikat usahasama Thomson-Sapura pada Selasa sebelum berlepas pagi keesokannya. - Bernama

(END)